



Latihan Kendiri 3.3

1. Sebutkan TIGA matlamat utama pendidikan Islam.

2. Nyatakan TIGA adab yang perlu ada pada diri pelajar.

3. Senaraikan TIGA peranan utama pemerintah terhadap penyebaran ilmu Islam.

4. Antara berikut, yang manakah fungsi Bait al-Hikmah?

- A. Perpustakaan iaitu pusat menyimpan buku-buku ilmu mantiq dan wahyu.
- B. Tempat beribadat dan institusi pengajian tinggi.
- C. Tempat kanak-kanak belajar.
- D. Universiti yang menyediakan pendidikan 'halaqah'.

5. Pernyataan yang manakah BENAR mengenai peranan individu terhadap ilmu?

- A. Memberi didikan awal kepada anak-anak yang baru dilahirkan.
- B. Menyediakan suasana yang kondusif dan konstruktif.
- C. Menyediakan dana atau pinjaman kepada pelajar.
- D. Melengkapkan diri supaya menjadi muslim yang bermanfaat.